
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

SPU318 - Kerajaan Demokratik

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN PERTAMA dan DUA (2) soalan lain. Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Bincangkan tiga konsep yang berikut serta jelaskan mengapa ia masih dianggap penting bagi amalan demokrasi hari ini:
 - a. negara dan warga
 - b. hak kaum wanita
 - c. kehakiman
 - d. masyarakat sivil
 - e. perkabulan masyarakat
 - f. kelas (lapisan masyarakat)
2. Pilih sebuah negara (bukan Malaysia) yang anda ketahui dan bincangkan apakah kedudukan perkembangan politik pada masa kini? Pada pendapat anda, adakah negara ini mempunyai kerajaan yang bersifat demokratik? Mengapa?
3. Apakah pertalian di antara sosialisme dan demokrasi sosial? Pada pendapat anda apakah faktor-faktor yang menghalang kewujudan demokrasi sosial pada masa kini? Gunakan contoh dari mana-mana yang sesuai dalam jawapan anda.
4. "Demokrasi ala Asia berdasarkan nilai-nilai Asia (Asian values) adalah sesuai bagi pembangunan ekonomi dan politik di kalangan negara Dunia Ketiga." Bincangkan.
5. Demokrasi "cosmopolitan" merupakan sistem kerajaan yang paling sesuai pada era gloabalisasi. Adakah anda setuju?